

KETERANGAN AM

1.	Kementerian	:	Kewangan
2.	Jabatan	:	Kastam Diraja Malaysia
3.	Tajuk Mesyuarat	:	Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta, Bil. 2/2006.
4.	Tarikh	:	20 Disember 2006
5.	Masa	:	10.00 pagi
6.	Tempat	:	Dewam FMM, Tingkat 3, Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur.

AGENDA MESYUARAT

Agenda 1	:	Ucapan Pengerusi
Agenda 2	:	Ucapan Pengerusi Bersama
Agenda 3	:	Mengesahkan Minit Mesyuarat Bil.1/2006
Agenda 4		Membincangkan Perkara Berbangkit
Agenda 5		Membincangkan Usul-Usul Baru
Agenda 6		Hal-Hal Lain

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.2/2006**

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
1.	Y.Bhg. Dato' Sri Hj. Abd. Rahman bin Abd. Hamid	Ketua Pengarah Kastam (Pengerusi)
2.	YM Raja Abd. Aziz bin Raja Musa	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) (Pengerusi Bersama)
3.	Y.Bhg. Dato' Hj. Ibrahim bin Hj. Jaapar	Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Operasi)
4.	Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Karim bin Mohd Hanapiah	Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan
5.	Tuan Harun bin Yacob	Pengarah Bahagian Perancangan Korporat
6.	Tuan Roslan bin Yusof	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Import/Export
7.	Tuan Dzulkurnain bin Abd. Rahman	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Penilaian & Pasca Import
8.	Tuan Mohamed Sufian bin Damanhuri	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Perkhidmatan
9.	Tuan Hj. Shaari bin Abdul Manaf	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Siasatan Khas
10.	Puan Jalilah binti Mahdan	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Jualan
11.	Y. Bhg. Datin Khairiyah bt Abas	Penolong Kanan Pengarah Kastam I Bahagian Perkhidmatan Teknik
12.	Puan Omi Marsom bt Mhd Tahir	Penolong Kanan Pengarah Kastam I Cawangan Perindustrian
13.	Puan Balkis bt Wahab	Penolong Kanan Pengarah Kastam II Cawangan Eksais, Petroleum & Levi

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
14.	Tuan Johari bin Alifiah	Penolong Kanan Pengarah Kastam II Cawangan Penjenisan
15.	Tuan Mohamad bin Saprin	Pegawai Khas Ketua Pengarah Kastam
16.	Tuan Iskandar bin Jaafar	Penolong Kanan Pengarah Kastam II Unit Perhubungan Awam (Setiausaha)
17.	Tuan See Zoo Thai	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam (Penolong Setiausaha)
18.	Encik Boon Oon Seang	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
19.	Encik Yeoh Seng Hooi	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
20.	Puan Shamini Sakthinathan	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
21.	Puan Ng Lee Lee	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
22.	Encik Raja Kumaran	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI)
23.	Puan Wong Hin Wei	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI)
24.	Encik Koh Siok Kiat	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI)
25.	Puan Kulwant Kaur	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
26.	Puan Devi Krishna	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
27.	Puan Lee Ah Yem	Deloitte KassimChan Tax Services Sdn. Bhd
28.	Encik Chan Chow Pong	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
29.	Puan Melissa Yeoh	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
30.	Encik Chan Chow Pong	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
31.	Cik Eow Siew Lee	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
32.	Encik Walter Culas	Airfreight Forwarders Association Of Malaysia (AFAM)
33.	Encik Wong Yim Fatt	Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)
34.	Cik Poh Wan Kh'ng	Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)
35.	Encik Toon Teng Fatt	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
36.	Dr. Samsuddin bin Ab. Rahman	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
37.	Encik C. Krishnan	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
38.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
39.	Cik Cheong Li Wei	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
40.	Encik Khadmudin bin Hj. Mohd Rafik	Malaysian Knitting Manufactures Association (MKMA)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
41.	Encik Mohammad Salimi Ahamad	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)
42.	Encik Lau Haw Chong	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)
43.	Encik Ong Kian Yew	Persatuan Industri Komputer Dan Multimedia (PIKOM)
44.	Encik Shukor bin Rahman	Persatuan Industri Komputer Dan Multimedia (PIKOM)
45.	Tuan Hj. Abu Bakar	Persekutuan Perkapalan Wilayah Tengah (CRSA)
46.	Encik Abu Shariz	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
47.	Encik Khu Heong Chye	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
48.	Encik Fong Keng Lun	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
49.	Encik Samsudin Abd. Rahman	Persatuan Pengusaha Logistik Bumiputera Selangor
50.	Tuan Hj. Mohd. Saleh Ismail	Persatuan Pengusaha Logistik Bumiputera Selangor
51.	Encik Lee Hung Yang	Persatuan Ampunya Lori Pan Malaysia (PMLOA)
52.	Encik Syed Raja bin Abdullah	Majlis Perhubungan Industri NSDK (NSILC)

AGENDA 1

UCAPAN PENERUS

MESYUARAT Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 2/2006 dipengerusi oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Kastam Malaysia manakala YM Raja Abd, Aziz bin Raja Musa dari FMM dilantik sebagai Penerusi Bersama bagi mewakili pihak Swasta.

Pengerusi memulakan ucapan dengan mengucapkan tahniah kepada YM Raja Abd, Aziz bin Raja Musa yang dilantik sebagai Penerusi Bersama. Berikut adalah teks ucapan Penerusi:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Syukur alhamdulillah kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Kali Kedua 2006. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak FMM yang sudi menjadi tuan rumah untuk mesyuarat kita pada kali ini. Nampaknya kita telah bersilih-ganti, pada kali pertama Kastam menjadi tuan rumah, sekarang giliran FMM untuk menjadi tuan rumah. Kalau saya tahu macam ini *conducive* nya pejabat FMM, *I think each time we have a meeting, we can have it here*. Saya mengucapkan terima kasih diatas persediaan yang telah dibuat dan saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua ke mesyuarat kita pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebagai ucapan saya selaku *Chairman* kepada mesyuarat kita pada pagi ini, saya suka melahirkan rasa gembira saya diatas suasana perhubungan mesra yang telah terjalin di antara pihak Kastam dengan pihak FMM ini, walaupun jika dilihat dari sudut perjumpaan kita secara formal, *this is the second meeting*, maknanya kita ada awal tahun hujung tahun, tetapi sebagaimana tuan-tuan sedia maklum bahawa kita selalu berjumpa bukan sahaja di dalam majlis-majlis yang dianjurkan oleh Kastam tetapi kita juga ada program *smart-partnership* yang telahpun berkembang kepada konsep *round-table discussions whereby* dari semasa ke semasa ahli-ahli jawatankuasa ataupun wakil dari pihak swasta selalu datang berjumpa dengan Kastam membincangkan isu-isu bagi kepentingan bersama.

Saya suka memaklumkan bahawa *our approach* ini bukan sahaja telah digunapakai oleh pihak dalam negeri, tetapi *lately* ini saya "terpaksa" melayan syarikat-syarikat dari luar negara yang mempunyai cawangan di sini yang juga elah mengambil *approach* yang sama, datang berjumpa dengan Kastam menyatakan isu-isu ataupun masalah-masalah yang dihadapi dan meminta pihak Kastam untuk sama-sama berusaha untuk memastikan cabaran-cabaran mereka ini dapat diatasi. Yang paling menarik sekali ialah kesediaan pihak swasta untuk memberi *some* input kepada pihak Kastam bagi membolehkan kami mengambil tindakan yang sewajarnya. Isu-isu seperti *tiles, tyre* dan sebagainya telah dapat diatasi melalui konsep *round-table discussions* yang dibuat dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, sekali lagi saya mempelawa pihak-pihak swasta melalui pertubuhan-pertubuhan yang mereka wakili supaya mengambil *approach* ini dengan sewajarnya. **Jangan ragu-ragu dan jangan tunggu sehingga kita ada mesyuarat sebegini untuk kita menyelesaikan isu-isu operasi yang sepatutnya diselesaikan pada masa itu juga. Jadi, datanglah berjumpa dengan pihak Kastam atau dengan bahagian-bahagian yang tertentu untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi.**

Kastam mengambil pendirian terbuka ini kerana Kastam menyedari bahawa kita berada pada satu senario dunia global yang begitu kuat yang mempunyai impak kepada senario perdagangan pada masa ini. *Globalisation* menyebabkan kita terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat kecil dan besar daripada luar negara dari segi

pasaran dengan barangan-barangan yang mungkin dapat dikeluarkan oleh negara-negara tertentu dengan harga yang rendah. *Globalisation* juga memberi kita cabaran untuk kita berhadapan dengan kemasukan barang-barang *fraud* dan sebagainya yang seolah-olah menunjukkan satu keadaan lambakan di dalam negara yang menyebabkan wujudnya persaingan yang tidak adil dan mengancam pasaran tempatan yang harus ditangani bersama. Kastam secara serius memang menyedari isu ini, tetapi perkara ini memerlukan satu komitmen bersama dan saya percaya selagi kita meletakkan kepentingan negara secara keseluruhannya sebagai kewajiban kita bersama, kita akan dapat mengatasi masalah ini. Selepas kepentingan negara dapat diwujudkan, barulah kita dapat wujud kepentingan bagi organisasi ataupun syarikat kita. Tidak ada sesuatu yang akan terjamin kalau kita hanya mengutamakan kepentingan kita sebagai sesuatu pihak tanpa kita merujuk bahawa kepentingan itu telah mengambil kira kepentingan negara.

Apabila saya mengambil alih teraju Jabatan Kastam, saya menyedari bahawa Jabatan ini perlu bergerak cepat supaya dapat seiring dengan perubahan yang berlaku dalam arena antarabangsa, lebih-lebih lagi peranan Kastam sebagai agensi yang mengendalikan *border control*. Segala barangan yang keluar masuk ke dalam negara ini serta aktivitiinya bukan sahaja terhad dalam negara ini tetapi akan mempunyai pasaran antarabangsa yang memerlukan Kastam berubah dengan cepat. Perubahan yang cepat ini sudah tentu mempunyai kesan impak sampingan di mana mungkin di peringkat bawahan, pihak Kastam sendiri mungkin tidak dapat mengikut *momentum* pihak pengurusan di peringkat polisi. Selain daripada itu mungkin ini juga akan menimbulkan keadaan yang tidak begitu jelas di pihak swasta. Oleh yang demikian, saya berharap selepas ini tindakan-tindakan susulan perlu dibuat supaya elemen-elemen dari segi *communication breakdown* ataupun maklumat-maklumat yang tidak sampai ke bawah ini dapat diambil dengan segera. Saya telah mendapat beberapa bisikan daripada rakan-rakan swasta, banyak perkara-perkara di ibu pejabat telah dibuat tetapi tidak sampai ke peringkat bawahan dan saya menerima tanggungjawab ini dan saya berjanji insya Allah bagi tahun ini aspek-aspek ini perlu dipergiatkan di mana sesi-sesi penerangan yang lebih kerap akan dibuat.

Sememangnya ada perkara yang lebih besar yang telah berlaku di mana Kastam ingin menunjukkan satu pentadbiran yang lebih telus melalui bajet yang telah dibentangkan baru-baru ini. Saya dapati perkara ini telah menarik perhatian pihak swasta tetapi saya ingin maklumkan kelewatan sedikit pihak Kastam dari segi memberi penerangan ini kerana kita baru sahaja selesai menyelesaikan aspek-aspek rancangan pelaksanaan di dalam Jabatan. Penubuhan-penubuhan unit tertentu, mewujudkan tatacara pelaksanaannya dan sebagainya baru sahaja selesai. Saya fikir selepas ini sesi-sesi penerangan bolehlah dibuat. Dalam konteks hendak melonjakkan kemampuan Kastam dari segi peningkatan *delivery system*, saya telah memperkenalkan dasar pembangunan ICTR, iaitu pembangunan integriti, *core business*, teknologi dan rakyat. Tetapi sebagai tahun pertama, tumpuan utama telah diberikan kepada integriti dan rakyat. Rakyat *means* anggota Kastam itu sendiri harus dimantapkan dirinya, bukan sebagai seorang pekerja sahaja tetapi seorang rakyat yang memberi kepentingan kepada agama, bangsa dan tanahair.

Jadi banyaklah usaha-usaha yang telah kita lakukan bagi memastikan peningkatan integriti pegawai-pegawai Kastam sebagai jentera pelaksanaan kerajaan. Walaupun saya telah diuji begitu sekali tetapi syukur alhamdulillah, atas keyakinan bahawa jika kita berintegriti, kita tidak perlu bimbang apa sahaja cabaran dan di atas keyakinan itu saya percaya ini adalah isyarat bahawa Jabatan ini serius dari segi menegakkan integriti ini seharusnya dirasai di peringkat swasta. Oleh yang demikian, sesuai dengan semangat *smart partnership* kita yang dijalin selama ini, saya menyeru kepada seluruh ahli-ahli panel perundingan pada pagi ini dan juga ahli-ahli mereka di seluruh negara supaya membantu Kastam untuk mewujudkan satu perkhidmatan yang berintegriti.

Jika tuan-tuan mengeluh adanya kejadian-kejadian yang disebabkan oleh rasuah, penyelewengan dan tidak bertanggungjawab, tampillah, dan yang paling penting, jangan menyokong mereka.

Saya rasa saya telah membuktikan bahawa Kastam seberapa boleh ingin berada pada satu keadaan yang seimbang dengan Swasta. Keadaan di mana Kastam duduk di bawah meminta itu dan ini telahpun berlalu. Saya harap keadaan ini akan membolehkan kita berada pada satu keadaan yang seimbang untuk kita melaksanakan sesuatu itu secara telus berasaskan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Begitu juga, kita pada hari ini menghasilkan banyak usaha untuk memberikan kemudahan tempat kerja, perumahan dengan konsep ceria dan selesa atas kepercayaan bahawa jika masalah-masalah di rumah dapat diatasi, maka pegawai-pegawai akan datang bekerja dalam keadaan kurang tekanan dan mereka akan sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas.

Bagi tahun 2007, Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam telah memutuskan untuk menyiapkan program yang fokus kepada pembangunan dari segi *Core business* Kastam dan Teknologi. Sebagai menyokong ini, banyaklah tindakan-tindakan yang telah dibuat dan menunggu masa untuk dilaksanakan pada tahun 2007. Di antaranya, misalnya kawalan secara elektronik agen-agen Kastam yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan, di mana selepas ini semua agen Kastam yang berurusan dengan Kastam akan dipastikan bahawa mereka telah diluluskan oleh Jabatan dan tidak terbabit dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dan telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pembayar cukai. Mulai tahun depan, sistem verifikasi Kastam akan mengubah prosedur pemeriksaan barang-barang. Kalau dulu barang-barang diperiksa sebelum bayaran cukai tetapi pada masa akan datang, mulai tahun 2007, satu sistem baru secara elektronik akan diperkenalkan berdasarkan *risk assessment* – hanya beberapa kontena sahaja akan diperiksa 100%, yang lain akan di-*monitor* secara sistem dan pemeriksaan hanya akan dibuat selepas sahaja bayaran cukai. Ini sebagai tindakan untuk menghalang berlakunya kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dan seterusnya dapat menjimatkan kos *delivery* kepada syarikat-syarikat. Kita juga berada dalam peringkat perundingan untuk memperkenalkan secara meluas konsep *facilitation* ini di pelabuhan di mana mereka yang membuktikan bahawa mereka adalah pedagang yang betul, yang baik sepatutnya mendapat laluan yang selesa. Kita ingin memberi satu isyarat kepada masyarakat pedagang bahawa kalau mereka ikut peraturan mereka sebenarnya lebih mudah untuk berurusan dengan Kastam.

Saya fikir perkara-perkara ini bukan sesuatu yang baru dan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya di Johor dahulu, mengapa tidak kita laksanakan dalam konteks yang lebih besar. Ada banyak lagi yang akan dimulakan pada tahun depan, misalnya konsep Pejabat Kastam Bergerak. Hari ini kita sudah dapat empat kenderaan, sebenarnya kita ada 21 buah kenderaan yang sebenarnya telah diubahsuai dengan tambahan kos lebih hampir 100 ribu ringgit disiap dengan segala alat elektronik dan komunikasi yang membolehkan Kastam membuat keputusan *on the spot*, dari segi *e-licence* kita dan penentuan harga yang boleh terus dirujuk kepada *World Customs Organisation* dan insya Allah, sehingga tahun ini semua negeri akan mendapat sekurang-kurangnya satu kenderaan. Jabatan juga telah membuat pembelian lebih 200 buah kereta peronda untuk memastikan supaya penyelewengan dan *fraud* dapat diatasi. Selain daripada itu, pembelian-pembelian dari segi alat-alat risikan yang canggih dan bertaraf dunia telah dan sedang dibuat pembeliannya tetapi tidaklah secara terbuka kerana ia adalah barang risikan. Ini dapat membolehkan Kastam mengesan aktiviti itu bukan dalam bentuk kuantiti, tetapi dalam bentuk satu kes yang besar yang mematahkan sindiket. Jadi kalau tuan-tuan dapat lihat, jika Kastam tahan dia tidak tahan satu kontena lagi, dia akan tahan 10 atau 11 kontena. Ini sebenarnya adalah merupakan hasil daripada pembangunan dari segi teknologi dalam risikan.

Usaha-usaha ini akan kita pergiatkan dan kita telahpun mengadakan pertandingan reka cipta – 19 reka cipta baru telah kita terima dan kita sedang meneliti mana-mana reka cipta yang boleh kita *apply* di dalam pentadbiran Jabatan. Kami memangnya serius untuk memantapkan *Core business* Kastam melalui peningkatan teknologi.

Selain daripada itu, usaha-usaha Kastam dari segi *capacity building of human capital* ini telah dipergiatkan pada satu tahap yang sangat terbuka dimana kerjasama dengan UUM telah ditandatangani yang membolehkan aspek-aspek perkastaman ini boleh dipelajari oleh warga Kastam dan juga orang ramai dengan memohon di universiti dari peringkat sijil hingga ke Ph.D. Misalnya Kursus Agen – sebahagian daripada kursus agen akan dikendalikan oleh UUM. Walau bagaimanapun pensyarahnya tetap warga Kastam dan satu dua dari UUM, tetapi sijilnya diiktiraf sebagaimana mereka mengiktiraf sijil yang dikeluarkan oleh UUM. Jabatan Kastam sendiri pada tahun 2007 telahpun meluluskan 5 orang membuat Ph.D dalam bidang perkastaman dan 20 orang membuat Masters dalam bidang perkastaman di UUM. Dalam keadaan ini saya percaya usaha kita untuk mewujudkan *Customs literate society* ini terbuka luas. Jadi terpulanglah kepada masyarakat pedagang samada mereka ingin menjadi pengikut atau menjalinkan *smart partnership* yang mempunyai kemampuan yang seimbang. Saya percaya kalau kita sama-sama memiliki kemampuan teknologi dan *knowledge-based* yang sama, barulah perkhidmatan yang profesional dapat kita wujudkan. Walaupun ini nampaknya satu *vision* yang begitu *ideal*, tetapi saya percaya kita harus mempunyai impian yang *ideal*, dan selagi kita sanggup bekerja, berusaha, ada komitmen, kita akan mendekati tahap itu. Ia lebih baik daripada kita bercakap mengenai isu demi isu, tetapi kita tidak membuat apa-apa dan mengharapkan pihak lain membetulkan untuk kita.

Satu perkara lain yang ingin saya *highlight* pada mesyuarat kita pada pagi ini adalah *e-learning* di mana 152 modul yang disediakan oleh *World Customs Organisation* itu boleh dipelajari di hujung jari. Kastam Malaysia bukan sahaja dapat mengendalikan latihan perkastaman ini di peringkat Jabatan di mana pegawai itu berada, tetapi kita juga telah menjadi *coordinator* untuk *e-learning* bagi Asia-Pasifik dimana negara-negara di Asia-Pasifik hanya perlu mendapatkan *password* daripada kita bagi setiap pesertanya dan mereka akan belajar melalui *e-learning* yang akan kita kendalikan dari sini dan kita *monitor* ujian-ujian dan *performance* peserta-peserta daripada Asia-Pasifik. Saya berharap supaya janganlah kemudahan yang ada ini dinikmati oleh pihak luar yang bersungguh-sungguh untuk bersaing dan memajukan diri tetapi kita yang memilikinya memandang begitu sahaja. Di Kastam kita telahpun membuat di pejabat kita *e-learning centre* dan saya berharap supaya persatuan-persatuan agen dan sebagainya akan mengambil kesempatan ini untuk membuat *e-learning* di tempat masing-masing bagi membolehkan segala rujukan perkastaman itu dibuat terus melalui *e-learning*. Sebenarnya, kita akan membuat modul-modul Kastam Malaysia daripada aspek-aspek misalnya Cukai Dalamn, Cukai Perkhidmatan, Cukai Eksais yang dimasukkan sebagai salah satu modul dalam *e-learning* itu. Jika ini dapat kita laksanakan, saya percaya tidak ada sebab untuk kita tidak faham prosedur Kastam lagi. Saya mempunyai impian bahawa jika ini dibuat dengan cepat akan dapat melonjakkan tahap profesionalisme urusan perkastaman bukan sahaja di pihak Kastam tetapi juga pihak swasta. Kebanyakannya para pemimpin dari pihak swasta datang untuk berurusan dengan Kastam kerana mereka tidak begitu jelas dan memahami prosedur-prosedur ataupun peluang-peluang yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Tetapi kalau mereka mengambil inisiatif untuk membaca misalnya, memahami dan mendalami bidang-bidang itu di dalam modul-modul *e-learning* itu, saya rasa banyak perkara yang dapat kita atasi. Jadi inilah impian saya.

Saya berharap apa yang dibuat oleh Jabatan Kastam ini bukan sahaja dapat sokongan moral dari pihak-pihak swasta, tetapi anda harus bersama-sama kami untuk bergerak ke hadapan. Saya seorang Kastam, *from the first day I joined the Customs*

Department sampai sekarang, saya seorang Kastam. Cara seseorang Kastam berfikir, tuan-tuan pun faham kerana Timbalan Pengerusi tuan-tuan pun *boss* saya dahulu. Kita ada satu perasaan kekastaman itu yang kita sukar untuk *translate* pada orang lain. Dari dulu lagi Kastam memang ada satu sifat inginkan satu tahap kerja yang mestinya sentiasa betul, sebab kita diajar dulu kod nombor mesti betul, harga mesti betul. So, *the spirit* itu ada dalam kepala kita. Selagi mereka itu masih tidak lupakan Kastam, secara keseluruhannya impian itu ada. Perasaan kita untuk membangunkan negara melalui sumbangan kita kepada industri begitu mendalam. Saya ingin memaklumkan bahawa kita akan melihat bagaimana aspek fasilitasi dan *security* ini dapat kita pertingkatkan di dalam konteks sumbangan kita pada industri. Sebagai contohnya saya dapat melihat beberapa permohonan untuk memudahkan pergerakan barangan dari Malaysia Barat ke Sabah dan Sarawak. Tetapi kalau kita lihat dalam konteks fasilitasi, *looks like something* terpaksa dilaksanakan, tetapi kalau kita lihat dalam konteks *security* pula bagaimana berlaku kehilangan berpuluh-puluh kontena di perjalanan dan sebagainya, kita harus mencari jawapan untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi perkara-perkara ini menjadi agenda kita tahun 2007. Saya berharap apa jua perubahan-perubahan yang Kastam buat, terutama dari segi prosedur ini, saya mengharapkan input yang ikhlas, jujur daripada pihak-pihak Swasta untuk membantu kita memperluaskan fasilitasi kita *and at the same time security* tidak akan *jeopardise*. Ini adalah satu *challenge* kepada Kastam *right now – facilitation versus security*. Tuan-tuan dapat lihat bagaimana fasilitasi yang dibuat di Pulau Pinang kerana terlalu menekankan fasilitasi, kita terlupa konsep *security* dan apabila berlaku, *now* kita berasa kita perlu menjadi *very strict*. Saya rasa keadaan sebegini bukanlah satu keadaan yang kita kehendaki. Kita harus dari sekarang sentiasa memikirkan kedua-duanya ini dalam konteks kepentingan negara.

Jadi itulah sebagai ucapan pembukaan saya pada mesyuarat kita pagi ini. Sebab itulah saya telah mengarahkan kepada Urusetia supaya mesyuarat ini lebih banyak kita menumpukan kepada isu-isu polisi. Tidak pada perkara-perkara harian yang sepatutnya boleh dijawab pada masa itu. Bahkan saya telah mencadangkan kalau boleh *the next meeting* dekat Kastam, selepas sahaja kita bermesyuarat perkara-perkara polisi kita akan adakan satu program dimana kita akan letakkan 3 atau 4 *table – table* Cukai Dalam, *table* Pencegahan, *table* Pengurusan untuk membolehkan isu-isu yang berbentuk harian ini diselesaikan. Tetapi yang lebih penting ialah kita melihat satu bentuk kerjasama *smart partnership* Kastam-swasta yang lebih utuh, yang menentukan hala-tuju yang boleh menentukan kemampuan bersama kita dari segi kita bersaing di pasaran antarabangsa. *Now*, persaingan lebih besar, kita tidak boleh bergerak seorang diri. Hari ini Kerajaan tidak boleh melakukan sesuatu dengan sendirian. Kerajaan memerlukan sokongan yang kuat dari segi jentera kerajaan – sektor awam yang boleh menterjemahkan impian negara kepada realiti dan pelaksanaan dan kita perlukan swasta dan juga rakyat untuk bersama-sama bergerak ke arah itu. Kalau kita mengambil sikap bahawa segala tindakan itu adalah orang lain dan segala nikmat itu harus kita kecapi bersama, kita akan ketinggalan.

Tidak ada dalam dunia ini yang disediakan untuk kita melainkan kita merebutnya kerana sumber-sumber itu begitu terhad dan persaingan begitu hebat untuk mendapatkan sumber-sumber itu. Tetapi kalau kita menunggu orang lain membuat untuk kita dan kita tidak berusaha untuk merebutnya, kita akan ketinggalan dan kita akan mendapat cerita sahaja tetapi kita tidak akan mendapat nikmat dari *globalisation* itu sendiri. Di Jepun dan China, banyak perkara besar yang dibuat atas kerjasama dan muafakat dengan pihak Swasta. Sebagai sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam aspek ini, saya menyatakan komitmen saya untuk menyumbangkan apa yang saya terdaya. Misalnya, minggu depan akan ada *meeting* yang akan Kastam pengurusan. Wakil-wakil daripada MITI, JPJ dan sebagainya akan duduk bersama-sama untuk membuat sesuatu yang terbaik untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dalam *delivery system* kita dan saya harap keadaan yang serupa juga perlu

wujud antara Kastam dengan panel ini. Cuba kita memilih perkara-perkara besar untuk dibincangkan, maka yang remeh-temeh dan kecil-kecil ini mungkin akan hilang sendiri *over the time* kerana kita mencari sesuatu yang *the real thing* dan kita *solve the problem*. *Let's start with* benda-benda yang kita boleh buat. Itulah yang saya harapkan dari tuan-tuan semua. Pintu bilik saya sentiasa terbuka tetapi saya hendakkan tuan-tuan tampil dengan rasa tanggungjawab. Saya tidak mahu menerima *allegations* yang Kastam begitu dan begini tetapi bila saya minta bukti tidak ada. Saya memerlukan sokongan dan ketelusan dari pihak Swasta. Kalau Kastam kata salah Swasta dan Swasta kata salah Kastam, *at the end* yang kalah Malaysia. *So, let us start with the real thing*.

AGENDA 2

UCAPAN PENERUSI BERSAMA

Berikut adalah teks ucapan YM Raja Abd, Aziz bin Raja Musa, Penerus Bersama Panel Perundingan Kastam-Swasta:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.

Izinkan saya memulakan kata-kata aluan ini dengan mengucapkan selamat datang kepada YBhg Dato' Sri Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Kastam, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah- Pengarah Kastam, pegawai-pegawai kanan Kastam serta wakil-wakil dari pihak swasta ke Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).

Bagi pihak FMM, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penerus dan Kastam Diraja Malaysia kerana memberi penghormatan kepada FMM untuk menganjurkan Mesyuarat Panel ini.

Kami amat menghargai usaha dan ketelusan yang ditunjukkan oleh Jabatan Kastam terutama dalam memberi peluang kepada pihak swasta untuk mengemukakan masalah, berkongsi pandangan, mendapatkan penjelasan dan mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan isu-isu dari kedua-dua pihak. Tidak dapat dinafikan, usaha yang dijalankan oleh KDRM merupakan suatu bukti kerjasama bistari antara kedua-dua pihak dalam memperkukuhkan lagi perhubungan di antara Kerajaan dengan Swasta di bawah konsep Persyarikatan Malaysia.

Pihak Kastam memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa terutamanya dalam menyelaraskan pergerakan barang-barang di antara sempadan serta pungutan duti perdagangan. Saya bagi pihak industri amat menghargai langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak Kastam dalam membanteras penyeludupan dan penyelewengan termasuk usaha ICTR (*Integrity development, Core business, Technology and relations with Rakyat*) yang dilancarkan oleh pihak Kastam awal tahun ini. Saya percaya peningkatan pungutan hasil kebelakangan ini adalah atas usaha gigih KDRM dalam meningkatkan penguatkuasaan undang-undang. Ini merupakan tindakan yang bijak supaya penyeludupan tidak berlaku yang boleh menjejaskan pedagang-pedagang yang tulen.

Demi membantu pihak Kastam memelihara ketelusan di antara kedua-dua pihak, saya ingin menyeru supaya anggota-anggota swasta untuk turut berganding bahu bersama Jabatan Kastam menangani masalah fraud dan rasuah.

Dengan izin YBhg. Dato' Sri, saya akan meneruskan ucapan saya dalam Bahasa Inggeris.

Operating successfully within this new global environment requires industry to respond effectively to the new expectations dictated by technology, speed, innovation and more competitive prices. Recognising the need to brace the nation for the challenges ahead, several collaborative initiatives have been taken by the Malaysian government and the business community to facilitate trade. These measures, as you are aware, are largely aimed at simplification, harmonization, increasing the use of technology and addressing procedural and administrative impediments to trade.

The recent Budget announcement had touched on many aspects of improving the Customs delivery system. Among which are the Customs Appeal Tribunal and Customs Rulings. We hope that Customs Department will use this forum to brief the

private sector on the implementation of these initiatives. I also urge the private sector to use this avenue to obtain further clarification from Customs on the initiatives.

Ladies and Gentlemen,

We would like to reiterate our appreciation and thanks to Customs for their continuous support and dedication towards helping the Malaysian industry to compete on a more level playing field in the domestic market. We believe that Customs' customer friendly approach has further strengthened the relationship between Customs and the private sector in line with the Government's Malaysia Incorporated concept.

Thank you once again for accepting our invitation and we hope that this meeting will produce positive results for the mutual benefit of all parties.

Thank you.

AGENDA 3

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2006

1. Pembetulan Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 1/2006

A. TAMBAHAN MAKLUMAT KEPADA RUANG 'KEPUTUSAN' DALAM AGENDA 4 (MEMBINCANGKAN PERKARA BERBANGKIT)

i. Bil 2, Muka Surat 14 – Manufacture and Other Operations in Relations to Goods in Licensed Warehouse

Tambahan maklumatnya adalah seperti berikut :-

KDRM telah memutuskan bahawa pengemukakan permohonan secara faks digunakan dan jawapan daripada pegawai yang menjaga gudang pengilangan berlesen juga dibuat melalui faks.

B. PEMBETULAN KEPADA RUANG 'KEPUTUSAN' DALAM AGENDA 5 (MEMBINCANG USUL-USUL BARU)

i. Bil 7, Muka Surat 23, Bil 8 dan 9, Muka Surat 24, dan Bil 10-12, Muka Surat 25

Perkataan 'Usul oleh MICSA' ditukarkan kepada '**Usul oleh MAISCA**'

ii. Bil 12, Muka Surat 26 - Appeals

Perkataan terakhir ayat tersebut di bawah ruang Keputusan 'MICSA' di tukarkan kepada '**MAISCA**'

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil.1/2006

Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 1/2006 disahkan dengan rasminya.

Pencadang : Encik Walter Culas dari AFAM

Penyokong : Puan Kulwan Kaur dari MAISCA

AGENDA 4

MEMBINCANGKAN PERKARA BERBANGKIT

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
1.	<u>Usul oleh MIA</u> Section 22 of the Sales Tax Act 1972 Pursuant to Section 22 of the Sales Tax Act, 1972, the sales tax chargeable under Section 6(a) shall be due at the time the taxable goods are sold, disposed of otherwise than by sale or first used otherwise than as material in the manufacture of taxable goods, by the taxable person. As a result, some sales tax offices interpret Section 22 to levy sales tax on intermediate taxable components and parts even though the final product is not taxable. Although the intermediate taxable components and parts are not sold or disposed of but used to manufacture the non-taxable final product, tax is imposed on the contention that they are "first used otherwise than as material in the manufacture of taxable goods." For example, the final products which are not subject to sales tax but whose components and parts are subject to sales tax are motor cycles, Digital Loop Carrier and Synchronous Digital Hierarchy. In view of the above, the Institute would like to seek clarification from the RCM as to whether the intermediate taxable components and parts which are used to manufacture non-taxable final products, are subject to sales tax.	Sehingga kini Kementerian Kewangan masih belum mengeluarkan keputusan secara 'blanket' atas isu 'integrated process' walaupun Kastam Diraja Malaysia (KDRM) telah mengemukakan surat susulan / 'issue paper' pada 14.4.2006 kepada Perbendaharaan, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, pihak kementerian telah meluluskan pengecualian Cukai Jualan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Cukai Jualan 1972 (Kuasa Menteri) bagi salah satu syarikat atas isu ini. Oleh itu, semua syarikat terlibat telah dinasihatkan supaya memohon terus ke Kementerian berkenaan di bawah peruntukan Kuasa Menteri.	Untuk Makluman
